

25/10/2003

Sambutan Deepavali perkukuh perpaduan

Misiah Taib; Jalal Ali Abdul Rahim; Jami'ah Shukri; Nurul Hazren  
KUALA LUMPUR: Perayaan Deepavali semalam disambut meriah rakyat pelbagai kaum, sekali gus membuktikan semangat perpaduan warga Malaysia kekal terjalin teguh.

Tradisi kunjung mengunjung yang menjadi amalan masyarakat negara ini, terutama majlis rumah terbuka pada setiap perayaan tetap diteruskan membabitkan rakyat pelbagai kaum dan pemimpin negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengunjungi rumah terbuka Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk S Subramaniam yang juga Timbalan Presiden MIC, di Bangunan Peladang (NUPW) di Jalan Templer. Petaling Jaya.

Turut hadir beberapa menteri Kabinet, termasuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Tidak ketinggalan memeriahkan rumah terbuka Subramaniam ialah Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan diplomat asing.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang setiap tahun mengadakan rumah ini tidak merayakan Deepavali kali ini kerana berkabung kematian adik iparnya yang meninggal dunia pada 3 Jun lalu.

Mengikut agama Hindu, jika ada di kalangan keluarga meninggal dunia, mereka tidak merayakan Deepavali selama setahun daripada tarikh kematian ahli keluarga.

Selain itu, lebih 2,000 rakyat pelbagai kaum menghadiri rumah terbuka anjuran Presiden Barisan Kemajuan India Semalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan, di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Antara tetamu yang hadir Setiausaha Pemuda MCA, Loh Seng Kok.

Kira-kira 2,000 masyarakat berbilang kaum mengunjungi rumah terbuka Presiden Gabungan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI), Datuk K Kenneth Eswaran, di Rumah Puspanita, di sini termasuk menteri Kabinet, kenamaan, duta asing serta 10 pertubuhan amal.

Ia turut dimeriahkan dengan kehadiran 260 orang dari pelbagai pertubuhan amal di sekitar Lembah Klang, termasuk Desa Amal Jireh, Kajang; Rumah Shalom, Puchong; Rumah Sri Kenangan, Cheras; House of Joys, Puchong; Rumah Orang Tua Ampang; Pusat Perindustrian dan Pemilikan, Bangi serta Rumah Hope.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri, Datin Seri Asmah Abdul Rahman meluangkan masa kira-kira setengah jam mengunjungi

rumah terbuka Pengerusi MIC negeri, Datuk R Raghavan, di Taman Maju, Jasin.

Turut mengunjungi Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Di KEDAH, Deepavali disambut sederhana tetapi meriah walaupun hujan di beberapa kawasan, termasuk Alor Star sejak awal pagi hingga lewat tengah hari.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bersama kira-kira 1,000 rakyat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka Exco Kesihatan dan Perpaduan, Datuk V Saravanan, di Sungai Petani yang diadakan jam 11 pagi hingga 5 petang.

Di IPOH, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna negeri merangkap Pengerusi MIC negeri, Datuk G Rajoo, dan isteri, Datin K Radhamani menerima kunjungan pemimpin negeri di rumahnya di No 91, Jalan Abdul Manap, Lim Garden.

Tetamu yang hadir sejak jam 11 pagi termasuk barisan Ahli Exco negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, tidak dapat hadir kerana mengikuti lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Timor Leste.

Malam ini, Sultan Perak berangkat ke Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri di Padang Ipoh.

Sementara itu, bagi sebilangan kecil keturunan India di kawasan utara, khususnya di Kerian, sambutan kurang meriah kerana masih dilanda banjir.

Di KOTA KINABALU, Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Ahmadshah Abdullah dan isteri, Toh Puan Dayang Masuyah Awang Japar bersama lebih 1,000 rakyat pelbagai kaum menghadiri rumah terbuka Deepavali anjuran MIC Sabah di Dewan Maksak, Likas.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan isteri, Datin Seri Faridah Tusin serta Pengerusi MIC Sabah, V Jothi.

Majlis bermula jam 10 pagi diserikan nyanyian artis India tempatan. MIC Sabah turut memberi hadiah hamper kepada rumah kebajikan sekitar bandar raya itu.

Yang di-pertua Negeri turut diberi penghormatan menyalakan lampu Kuthuvilaku sebagai simbolik sambutan perayaan masyarakat India.

Di JOHOR BAHRU, beberapa pemimpin MIC negeri mengadakan rumah terbuka, termasuk Pengerusi MIC Johor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat negeri, Datuk K S Balakrishnan.

Orang ramai pelbagai kaum, termasuk Ahli Exco kerajaan negeri, wakil rakyat dan pegawai kerajaan mengunjungi rumah terbuka Balakrishnan di Dewan Taman Sinar Harapan Jubli.

Cuti Deepavali yang bersambung cuti hujung minggu menjadikan Johor lokasi tumpuan pelancong, terutama rakyat Singapura.

Di KUANTAN, Kuil Sri Mariaman dan Kuil Ganesan penuh sesak dengan kehadiran masyarakat beragama Hindu bagi upacara keagamaan.

Kebanyakan penganut berkumpul seawal jam 7 pagi di kuil berkenaan sebelum pulang ke rumah atau mengunjungi rumah saudara serta rakan taulan.

Di PERLIS, Deepavali disambut sederhana dan meriah walaupun cuaca

redup

tetapi dan hujan turun selama beberapa hari sehingga semalam.

Kebanyakan pusat perniagaan di bandar Kangar beroperasi seperti biasa dan orang ramai mengambil kesempatan cuti umum membeli-belah keperluan Ramadan dan persekolahan.

Di SEREMBAN, perayaan disambut dalam suasana gembira walaupun cuaca mendung dan hujan pagi semalam.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin adalah antara tetamu rumah terbuka bekas Ahli Exco kerajaan

negeri, Datuk M Muthupalaniappan di Jalan Labu Lama.

Beliau dan isteri kemudian mengunjungi rumah terbuka Setiausaha Parlimen

Kementerian Kesihatan, S Sothinathan yang juga Ali Parlimen Telok Kemang di Tanjung Kemuning, Port Dickson.

Pengerusi MIC negeri Datuk T Rajagopalu yang juga Ali Exco negeri tidak

mengadakan rumah terbuka berikutan kematian adik iparnya Mei lalu.